

27/06/2002

Pelbagai pihak sokong formula

KUALA LUMPUR, Rabu - Keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya selepas Oktober 2003 terus mendapat sokongan pelbagai pihak, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak, berkata pihaknya menyokong formula peralihan kuasa Dr Mahathir yang telah diperakui dan disokong sebulat suara oleh Umno dan Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, rakyat seharusnya berbangga kerana proses peralihan kuasa di negara ini berjalan lancar.

"Kita semua lega kerana Dr Mahathir sudah memutuskan akan menyerahkan tanggungjawabnya kepada timbalan beliau," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tradisi itu, jelas beliau, yang diperkenalkan Tunku Abdul Rahman, diteruskan oleh Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, dan kini oleh Dr Mahathir.

Timbalan Presiden Persatuan Pemuda Negara Malaysia, Ezaruddin Abd Rahman juga yakin proses peralihan kuasa itu akan berjalan lancar.

"Kita juga yakin dengan kepimpinan Abdullah yang sudah terbukti kewibawaannya," katanya.

Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) yang mewakili 3.4 juta ahli di seluruh negara turut menyatakan sokongan tidak berbelah bagi kepada Abdullah sebagai pengganti Dr Mahathir.

Setiausaha Agungnya, Megat Zulkarnain Omardin, berkata tempoh peralihan juga akan dapat mereda dan menenangkan keadaan semasa di dalam negara.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, Mohd Zaidi Aziz, pula menggesa rakyat memberikan peluang kepada Abdullah untuk membuktikan kewibawaannya sebagai pemimpin dan tidak membandingkan beliau dengan Perdana Menteri kerana kedua-duanya mempunyai skop pengalaman yang berbeza.

"Jika PM sudah umumkan hendak meletak jawatan, jelas beliau sudah dapat mencari pengganti yang layak menduduki kerusi Presiden Umno dan pemimpin itu tidak lain tidak bukan ialah Abdullah," katanya.

Di KOTA BHARU, Yang Dipertua Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Tumpat, Mohd Razali Omar, berkata tempoh peralihan kuasa itu akan memberi masa secukupnya untuk pengganti Perdana Menteri mengambil alih kepimpinan negara.

Pengerusi Majlis Belia Jajahan Pasir Mas, Ahmad Rosdi Mahmad, pula berkata memang bertepatan kalau jawatan Perdana Menteri yang bakal dikosongkan pada akhir tahun depan, diberikan kepada Abdullah.

Di KUANTAN, Naib Presiden Majlis Belia Felda (MBF) Malaysia yang juga Pengerusi MBF Pahang, Abdullah Abu Bakar, yakin Abdullah yang pernah memimpin belia ketika menjadi Presiden GPMS, dapat memberi sumbangan bagi meningkatkan pergerakan belia di negara ini.

Di SEREMBAN, Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan memberikan sokongan padu kepada Abdullah sebagai pengganti Dr Mahathir dan yakin tempoh peralihan akan berjalan lancar.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat khas badan perhubungan Umno negeri, Pengerusinya, Tan Sri Mohd Isa Samad, berkata mereka yakin Abdullah akan dapat meneruskan khidmat dengan lancar kerana mendapat sokongan semua pihak.

Di JOHOR BAHRU, Ketua Pergerakan Wanita Umno Johor, Halimah Mohd Sadique, berkata peralihan kuasa yang diatur Dr Mahathir adalah cukup teratur sehingga dapat menguatkan lagi keyakinan ahli Umno dan rakyat terhadap parti itu dan kestabilan politik negara.

Di KOTA KINABALU, Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk Abdul Rahim Ismail, berkata badan itu menganggap tempoh peralihan kuasa itu sebagai baik, tidak gopoh serta memang dinantikan.

Dalam perkembangan berkaitan, Wanita MCA mempersoalkan motif media asing, The Asian Wall Street Journal (AWSJ) yang mempersoalkan pemilihan Abdullah sebagai pengganti Dr Mahathir.

Laporan AWSJ yang memetik penganalisis yang tidak disebut namanya dianggap oleh Ketuanya, Datuk Dr Ng Yen Yen, sebagai amat tidak bertanggungjawab dan sengaja mahu memburuk-burukkan imej pemimpin negara ini.

(END)